

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XIII)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB. HENG LEE LEE**

22. Nyatakan klinik-klinik pakar yang ada di Hospital Bukit Mertajam, nisbah doktor dan pesakit.
- (a) Apakah yang Kerajaan Negeri dapat membantu supaya mempertingkatkan perkhidmatan Hospital Bukit Mertajam?

**YB. DR. AFIF BIN BAHARDIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

22. Hospital Bukit Mertajam adalah salah satu daripada enam (6) buah hospital kerajaan di Pulau Pinang dan merupakan hospital daerah berpakar minor yang bertempat di daerah Seberang Perai Tengah dengan bilangan katil pesakit berjumlah 242 buah. Hospital ini terletak lebih kurang 11km dari Hospital Seberang Jaya dan 20km dari Hospital Sungai Bakap. Hospital ini menyediakan perkhidmatan rawatan asas dan turut menyediakan perkhidmatan kepakaran.

Kemudahan perkhidmatan merangkumi rawatan pesakit luar dan pesakit dalam diberikan kepada penduduk-penduduk di Seberang Perai. Jumlah penduduk Seberang Perai Tengah bagi tahun 2016 adalah 408,600 manakala kadar penggunaan katil (BOR) Hospital Bukit Mertajam 2016 adalah 70.72% dan BOR untuk 2017 adalah 69.76 %.

Pecahan Kepakaran yang ada dan nisbah doktor : pesakit adalah seperti di **Lampiran A**.

- (a) Bagi mempertingkatkan perkhidmatan Hospital Bukit Mertajam, pihak Kerajaan Negeri telah menawarkan tanah Rumah Rehat Bukit Mertajam untuk meluaskan perkhidmatan dan operasi Hospital Bukit Mertajam. Perkara tersebut telah dipersetujui oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia melalui surat pada bulan Julai 2018 ke Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian, Pulau Pinang untuk memulakan proses pemberimilikan.